Kenal pastikan kata majmuk dalam teks. Kemudian, tuliskan kata majmuk tersebut.

Pada 16 Mei yang lalu, sekolah Jia Hua telah mengadakan sambutan Hari Guru.

Jia Hua dan rakan-rakan sekelasnya mengadakan jamuan ringan dengan guru kelas mereka di dalam kelas. Mereka menghias bilik darjah dengan cantik. Banyak makanan dan minuman telah disediakan.

Jia Hua dan rakan-rakannya memberikan hadiah kepada guru kelas mereka. Mereka juga mengucapkan "Selamat Hari Guru". Guru mereka berasa suka hati apabila menerima hadiah. Beliau mengucapkan terima kasih kepada murid-muridnya.

1. _____ 4. _____

2. _____ 5. _____

3. _____ 6. _____